

SOALAN NO: 125

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD

TARIKH: 26 MEI 2016

SOALAN:

Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik kadar perberhentian kerja/VSS dari Jun 2015 hingga Mac 2016 mengikut sektor pekerjaan.

PR-1342-L75133

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia, berdasarkan Borang Pemberhentian Kerja (PK) yang diterima oleh Kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK), **seramai 45,033** orang pekerja telah diberhentikan kerja bagi tempoh **Januari 2015 hingga Mac 2016**. Daripada jumlah ini, seramai 19,902 pekerja telah dihentikan secara

pemberhentian biasa manakala 25,131 pekerja telah dihentikan secara pemberhentian sukarela (VSS).

2. Antara sektor industri utama yang terlibat adalah sektor kewangan dan insuran, pembuatan dan perlombongan, pengkuarian(sub sektor industri minyak dan gas) serta perdagangan borong dan runcit. Daripada sektor industri utama ini, bagi tempoh **Januari 2015 hingga Mac 2016** sektor kewangan dan insuran mencatatkan pemberhentian pekerja yang tertinggi iaitu seramai 22,746 pekerja berbanding 2,145 pekerja yang telah dihentikan dalam sektor perdagangan borong dan runcit.

3. Tindakan pemberhentian hendaklah sentiasa menjadi pilihan terakhir (*last resort*) dan akan hanya dilakukan sekiranya tiada pilihan lain dapat diambil bagi tujuan memperkemas operasi dan perjalanan perniagaan oleh mana-mana organisasi majikan. Kementerian Sumber Manusia(KSM) telah mengambil tindakan yang drastik berhubung isu pemberhentian pekerja dengan menubuhkan Pusat Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja Peringkat Nasional (POPPK). Pusat operasi di peringkat negeri juga telah ditubuhkan bagi menjalankan pemantauan secara rapi dan proaktif bagi memastikan hak-hak pekerja terjamin dan kebajikan tidak diabaikan